

Cara PM dekati generasi muda dipuji

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sentiasa kekal di hati generasi muda. Sejak mentadbir negara pada 2009, pelbagai usaha dilakukan Najib bagi mendekati generasi muda. Ini menepati konsep 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Dapat banyak insentif

Sebagai generasi muda, saya rasa bertuah kerana mendapat banyak insentif daripada kerajaan sejak pemerintahan beliau. Insentif ini sedikit sebanyak membantu saya meringankan beban diri dan keluarga saya.

Ketika pembentangan Belanjawan 2012, kerajaan memperuntukkan RM260 juta untuk melaksanakan inisiatif pemberian baucar buku



KADS1M banyak membantu **mengurangkan kos sara hidup siswa seluruh negara.** [GAMBAR HIASAN]

secara percuma kepada lebih 1.4 juta pelajar seluruh negara.

Baucar membantu pelajar untuk membeli buku ulangkaji di luar kemampuan mereka. Menjelang tahun ini, kerajaan menaikkan lagi nilai baucar kepada RM250 setiap seorang.

Saya memuji langkah kerajaan memberi insentif ini me-

lalui baucar dan bukannya wang tunai kerana dapat mengelakkan penerima menyalahgunakan kelebihan tersebut.

Siswa sepenuh masa dapat menikmati harga diskaun daripada premis yang mengambil bahagian daripada lima hingga 60 peratus. KADS1M banyak membantu mengurangkan kos sara hidup pelajar ins-

titusi pengajian tinggi awam dan swasta seluruh negara.

Ini menunjukkan kerajaan menghargai pengorbanan mahasiswa.

Capai Wawasan 2020

Ia sejajar dengan prinsip kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020 untuk menjadi negara maju dan mewujudkan masyarakat yang makmur, mempunyai ekonomi berdaya saing, dinamik dan kental.

Siswa juga beruntung kerana Najib memberi rebat untuk membeli telefon pintar. Ia memudahkan kami mengakses maklumat secara cepat dan tepat.

Saya rasa sangat bertuah kerana zaman muda saya ketika pemerintahan Najib. Saya ucapkan tahniah kepada beliau kerana berjaya mentadbir negara dengan berkesan.

Mazwan Mohamad

Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai